



## SIARAN AKHBAR

### TAKLIMAT MENGENAI DENGAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (HSE) DI TEMPAT KERJA

PADA 11 ZULHIJJAH 1436 BERSAMAAN DENGAN 2 OCTOBER 2015  
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menganjurkan satu taklimat mengenai dengan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) di Tempat Kerja pada hari Jumaat 18 Zulhijjah 1436H bersamaan dengan 2 Oktober 2015 di Dewan Theater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan.
2. Dr N.B.P. Balalla, Pegawai Perubatan Kanan (Kesihatan Pekerjaan) dari Jerudong Park Medical Centre (JPMC) telah memberikan taklimat mengenai '*Occupational Health and Safety Hazards in Office*' serta isu-isu kesihatan am, keselamatan dan alam sekitar. Manakala Vivian Tie, *Physiotherapist* JPMC, seterusnya memberi taklimat bertajuk '*The Practical Know-Hows in Ergonomics at the Office*', yang bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran mengenai dengan kepentingan *ergonomic* di tempat kerja.
3. Taklimat, yang telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan AMBD, ini adalah salah satu daripada inisiatif AMBD dalam meningkatkan kesedaran dalam kesihatan perkerjaan ataupun "*occupational health*" kepada warga-warga AMBD seterusnya menekankan kepentingan dalam mengekalkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 18 Zulhijjah 1436 / 2 October 2015  
Rujukkan : AMBD/COMMS/3